

KeTSA perluas sistem kesan bencana geologi

Bina siren amaran di lokasi berisiko tinggi

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

YAN – Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) akan memperluaskan Sistem Amaran Awal Bencana Geologi Aliran (EWS) yang sudah beroperasi di kaki Gunung Jerai di sini, sejak Februari lalu ke kawasan lain yang berisiko tinggi berlaku bencana alam seperti di Lembah Klang dan Sabah.

Pemasangan EWS bertujuan memberi amaran awal kepada penduduk menerusi bunyi siren bagi mengelak risiko kehilangan nyawa dan harta benda.

Menterinya, Datuk Seri Taqiyuddin Hassan berkata, kajian oleh pakar daripada Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) akan dilakukan bagi mengenal pasti kawasan berisiko lain yang perlu diberi keutamaan.

“Pemasangan EWS ini adalah berdasarkan kajian dan perancangan JMG yang mana kita akan mengutamakan lokasi yang mempunyai risiko lebih tinggi berlaku bencana.

“Di Sabah dan Lembah Klang juga sering berlaku bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh. Sabah contohnya pada 1996 pernah berlaku bencana alam sehingga meragut ratusan nyawa, jadi di sinilah kepentingan kita memasang EWS agar penduduk dapat berwaspada selepas mendapat amaran awal,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas Program Kesedaran Sistem



TAKIYUDDIN (tiga dari kanan) melihat lokasi pemasangan EWS di Titi Hayun yang terletak di kaki Gunung Jerai, Yan semalam.



KERATAN Kosmo! 20 Ogos 2021.

Amaran Awal Aliran Puing Bersama Komuniti Jerai Geopark di Titi Hayun semalam.

Menurutnya, JMG mempunyai senarai kawasan berisiko tinggi berlaku bencana alam di seluruh negara untuk kajian seterusnya termasuk dalam mengenal pasti keperluan pemasangan EWS.

Katanya, EWS dipasang di kaki Gunung Jerai susulan kejadian aliran puing sehingga mengorbankan enam nyawa serta merosakkan harta benda penduduk pada 18 Ogos tahun lalu.

“Sistem ini merupakan projek perintis yang dibangunkan melalui kerjasama pintar antara JMG dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) serta diintegrasikan dengan sistem amaran awam Angkatan Pertahanan Awam (APM),” jelasnya.

Tambahnya, penduduk yang tinggal berhampiran akan diberi amaran siren sebaik sahaja EWS mengesan tanda-tanda berlaku bencana alam di kawasan itu.